

# Malaysia kuasai teknologi baru

KUANTAN, Khamis — Malaysia mendahului negara membangun di rantau ini dalam eksport barangan berteknologi tinggi, mencerminkan keupayaan negara menguasai teknologi baru, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, dalam tempoh 10 tahun sahaja, struktur eksport negara berubah daripada pengeksport bahan mentah kepada pengeksport bahan nilai tokok dan sekarang pengeksport barangan buatan berteknologi tinggi.

Kejayaan itu membuktikan keupayaan negara menarik masuk industri berteknologi tinggi.

"Sungguhpun negara berada pada landasan yang sesuai di segi dasar, pengurusan dan pentadbiran, kita perlu melitigandakan usaha menguasai teknologi terpilih supaya menjadi lebih

kompetitif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan loji Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE); Propena dan Polipropilena, di kawasan Perindustrian Gebeng, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Pengerusi Petronas, Tan Sri Basir Ismail dan Presiden Petronas, Tan Sri Azizan Zainal Abidin.

Perdana Menteri berkata, bagi menggalakkan pertumbuhan berterusan, penekanan perlu diberi kepada industri yang ada keupayaan nilai tokok dan pemerosesan sumber asli domestik.

Menurutnya, langkah Petronas membabitkan diri dalam pengeluaran bahan petrokimia secara besar-besaran itu akan membantu mempercepatkan proses menjadikan Malaysia negara maju yang cekap, dinamik dan

berteknologi tinggi.

Dr Mahathir berkata, industri petrokimia masih berada pada peringkat awal dan dengan adanya rizab gas asli-kira-kira 76.7 trilion kaki padu standard serta kepelbagaian penggunaannya, ia menjadi bahan paling sesuai sebagai 'feedstock' untuk menghasilkan bahan petrokimia.

Beliau juga menekankan pentingnya perhatian diberi untuk menjaga alam sekitar dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju kerana perkembangan perindustrian dan urbanisasi yang pesat menyebabkan tekanan terhadap alam sekitar mula dirasai.

Menurutnya, jumlah kenderaan meningkat daripada 670,000 pada 1970 kepada 5.5 juta pada 1990, menyebabkan asap mengandungi plumbum yang dikeluarkan ke udara semakin mengancam alam sekitar dan kesihatan.

"Keadaan semakin meruncing dengan peningkatan bilangan loji industri yang mengeluarkan sisa kotor kerana semua itu memberi kesan buruk terhadap mutu alam sekitar," katanya.

Dr Mahathir berkata, beberapa langkah diambil bagi mengatasi masalah itu, antaranya melalui penguatkuasaan undang-undang pada Julai 1985 untuk mengurangkan kandungan plumbum dalam gasolin dari 0.84 gram kepada 0.4 gram bagi seliter.

Ia kemudian diturunkan lagi kepada 0.15 gram seliter pada Januari 1990.

"Dalam usaha mengurangkan pencemaran, penubuhan loji MTBE ini adalah sesuai dan tepat pada masanya. Selain menggantikan plumbum dalam gasolin sebagai 'octane booster', MTBE akan meningkatkan mutu gasolin tanpa plumbum yang dijual," katanya.